

Headline	Paip gas dalam tanah bocor		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	09 Oct 2013	Circulation	324,097
Section	Setempat	Readership	1,981,000
Page No	40	ArticleSize	359 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 13,208
Journalist	Yusmawati Mhd Yusof	PR Value	RM 39,624
Frequency	Daily		



# Paip gas dalam tanah bocor

■ 482 pekerja tiga kilang diarah kosong bangunan

Oleh Yusmawati Mhd Yusof

yusmawati\_yusof@mediaprima.com.my

Melaka

**S**uasana di Jalan Usaha 3, Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, di sini, gempar seketika selepas satu saluran paip gas asli kenderaan (NGV) bawah tanah dikesan mengalami kebocoran di jalan berkenaan, semalam.

Kejadian jam 10.15 pagi itu menyebabkan 482 pekerja di tiga kilang dan sebuah gudang di situ diarahkan mengosongkan bangunan sebagai langkah keselamatan.

Difahamkan, saluran paip NGV satu meter di bawah tanah itu bocor selepas terkena jengkaut dikendalikan kontraktor dilantik pihak berkuasa tempatan ketika kerja pemasangan longkang di hadapan Gudang Simpanan Wilayah Selatan Tenaga Nasional Berhad dilakukan.

Insiden itu mengakibatkan tiga kilang dan sebuah gudang diarah menghentikan sementara operasi mereka selama dua jam bagi

membolehkan kerja mengawal kebocoran dilakukan pihak berkuasa.

Difahamkan, saluran paip NGV milik Gas Malaysia Berhad itu menyalurkan gas berkenaan kepada 11 kilang di kawasan perindustrian terbabit.

Pegawai Pengurusan Balai Bahagian Operasi dan Penyelamat Bomba negeri, Timbalan Pengguna Bomba Kamarulzaman Mohd Din berkata, arahan penutupan operasi dan pengosongan premis itu dilakukan sebagai langkah pencegahan selepas pihaknya mendapati kebocoran gas dikesan meningkat sehingga 19 peratus melebihi paras bahaya 10 peratus yang ditetapkan.

Katanya, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian pada jam 10.18 pagi dan sepasukan anggota termasuk dari Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) bersama dua jentera dari Balai Bomba

dan Penyelamat Ayer Keroh serta Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Bukit Katil dikehilang ke tempat kejadian.

"Sejurus tiba 11 minit kemudian, kami menjalankan kerja pencegahan awal termasuk melakukan penyembur air ke udara bagi mengepung gas NGV jenis UN 1971 terbabit bertujuan mengurangkan faktor letupan di situ.

"Arahan penutupan operasi dan pengosongan bangunan dibuat pada jam

11.45 pagi sebagai langkah pencegahan apabila kebocoran gas didapati meningkat sehingga 19 peratus melebihi paras bahaya iaitu 10 peratus," katanya ketika diinterview di tempat kejadian, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Salehhudin Abd Rahman yang turut berada di tempat kejadian berkata, penutupan saluran paip gas itu dilakukan kontraktor Gas Malaysia Berhad dalam jarak 500 meter dari sumber bocor pada jam 1.30 tengah hari.

**FAKTA**  
Tiga kilang,  
sebuah gudang  
diarah berhenti  
operasi  
dua jam

Headline	Paip gas dalam tanah bocor		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	40	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusmawati Mhd Yusof	AdValue	RM 13,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,624



**ANGGOTA** bomba memeriksa tempat kejadian saluran paip gas bawah tanah yang bocor.